

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12/7/2010

# Malaysia desak kuasa besar bertindak lebih proaktif

UM - 12/7/10

KUALA LUMPUR 11 Julai – Malaysia mendesak negara kuasa besar terutama Amerika Syarikat (AS) supaya tidak lagi sekadar menjadi pemerhati keganasan yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sebaliknya AS perlu mendesak sekutu rapatnya itu mengkaji semula dasarnya di Gaza, sekali gus menolak alasan dangkal bahawa sekatan bertujuan memelihara keselamatan negara itu.

Tegas beliau, Majlis Keselamatan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga perlu berfungsi di atas landasan sebenar iaitu menjaga dan mengekalkan keamanan sejagat, dengan memberi amaran tegas kepada Israel agar menghentikan segala perbuatan ganas terhadap rakyat Palestin.

“Pembunuhan dan penahanan orang awam, sekatan yang memusnahkan ekonomi Palestin jelas merupakan pencabulan secara terang-terangan terhadap resolusi yang diputuskan oleh PBB terhadap Palestin.

Tindakan jahat lagi tidak bertamadun ini tidak wajar dibenar untuk diteruskan,” katanya.

Beliau berucap ketika menutup persidangan Memecahkan Sekatan: Semangat Rachel Corrie dan Mavi Marmara anjuran Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Jelas Muhyiddin, Malaysia amat konsisten dalam perkara ini dengan mendesak PBB agar menubuhkan badan bebas bagi menyiasat dengan

mendalam kes serangan Israel terhadap misi kemanusiaan flotila di perairan antarabangsa yang turut membunuh beberapa sukarelawan.

Katanya, jika usaha itu masih gagal dan tidak dihiraukan oleh Majlis Keselamatan PBB, Malaysia akan bersama dengan negara lain mengusulkan satu sidang tergeper bagi mendapat pandangan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung serangan Israel terhadap kapal flotila itu.

“Malaysia kini dalam usaha melobi negara lain terutama anggota Per-

tubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) untuk menyokong usaha kita mendesak sesi sidang tergeper Perhimpunan Agung PBB.

“Perhatian utama kita adalah untuk mengakhiri sekatan tidak berperikemanusiaan terhadap Gaza sejak 2007. Penduduknya pada masa ini menghadapi krisis kemanusiaan amat teruk yang bakal mengancam beribu-ribu nyawa manusia tidak berdosa. Krisis ini amat perlu diakhiri walau dengan apa cara sekalipun,” katanya.